Yayasan Waqaf Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN

## YAYASAN WAQAF MALAYSIA 2016



Yayasan Waqaf Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN

## YAYASAN WAQAF MALAYSIA 2016

## SIDANG REDAKSI

**Pengerusi**
Ketua Pegawai Eksekutif

**Ketua Pengarang/Penyunting**
Eksekutif Kanan Bahagian Pemasaran dan Penyelarasan

**Penolong Penyunting**
Eksekutif Bahagian Pemasaran dan Penyelarasan

**Fotografi**
Koleksi YWM

**Penyumbang Maklumat**
Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan
Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf
Bahagian Pemasaran dan Penyelarasan
Bahagian Kewangan dan Korporat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**Urusetia Penerbitan**
Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan
Pengurus Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf
Penolong Pengurus Bahagian Kewangan dan Korporat
Eksekutif Kanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf
Eksekutif Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**Susun Atur**
Pegawai Bahagian Pemasaran dan Penyelarasan



Cetakan November 2017



Yayasan Waqaf Malaysia, 2017

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



Diterbitkan di Malaysia oleh:
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3
62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8871 0800
Faks: 03-8861 0803

# KANDUNGAN


04 Perutusan Pengerusi

06 Perutusan Naib Pengerusi

07 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

09 Maklumat Korporat

23 Laporan Operasi Utama

61 Laporan Anak Syarikat

71 Laporan Pengurusan Sumber Manusia

77 Laporan Pengurusan Hotel Wakaf Di Bawah Pengurusan YWM

89 Penyata Kewangan

143 Info Produk Wakaf



# Perutusan Pengerusi

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PENGERUSI YWM**



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah ﷻ kerana dengan keizinan dan rahmat-Nya, maka Laporan Tahunan 2016 Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dapat diterbitkan dengan jayanya seperti yang direncanakan.

Saya selaku Pengerusi YWM merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang mengemudi dan berusaha memajukan YWM hingga ke tahap ini. Setiap kejayaan yang dicapai sejak penubuhan YWM pada 2008 menunjukkan kolaborasi antara YWM, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam memberi kefahaman mengenai wakaf kepada masyarakat membuahkan hasil. Dalam usaha menguar-uarkan kepada masyarakat Malaysia amnya dan umat Islam khususnya mengenai kewujudan serta pencapaian YWM, laporan ini sesuai untuk dijadikan rujukan bagi mereka.

Sepanjang penubuhan, YWM telah berusaha dalam memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai wakaf khususnya alternatif lain untuk berwakaf seperti Wakaf Tunai Malaysia. Hal ini disebabkan pemahaman masyarakat mengenai wakaf merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi wakaf kerana mereka merupakan penyumbang utama dalam kelangsungan setiap institusi wakaf. Oleh itu, pelbagai aktiviti promosi yang telah dilaksanakan oleh YWM seperti Seminar Wakaf, program turun padang seperti Program Wakaf Prihatin, Wakaf Road Tour dan sebagainya telah berjaya memberi pendedahan wakaf kepada masyarakat seterusnya dapat meningkatkan tabungan wakaf bagi membangunkan ekonomi ummah sejagat.

Sepanjang 2016, YWM rancak melaksanakan program promosi wakaf dan pembudayaan wakaf kepada masyarakat. Kayuhan Prihatin Wakaf merupakan inisiatif baru dalam mempromosikan wakaf yang pertama kalinya diadakan di negeri Perlis dan seterusnya

diikuti beberapa negeri lain. Dengan adanya program sebegini, ia mampu memacukan wakaf ke peringkat yang lebih tinggi serta menguar-uarkan kepada masyarakat mengenai YWM dengan lebih efektif melalui aktiviti sukan.

Di samping itu, penubuhan YWM merupakan pelengkap kepada MAIN dalam merancakkan aset-aset wakaf di seluruh Malaysia. YWM menjalinkan ikatan kerjasama yang erat bersama Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR dan Kerajaan Negeri melalui MAIN bagi melestarikan usaha murni ini. Jalinan ini bukan sahaja tertumpu kepada sektor kerajaan namun juga kepada sektor bukan Kerajaan.

Pada tahun 2016 yang lalu, YWM dengan kerjasama CIMB Islamic Bank Berhad telah melancarkan Sijil Wakaf Tunai Pendidikan, Kesihatan dan Pembangunan Ekonomi. Produk baru YWM ini merupakan variasi pilihan kepada pewakaf untuk berwakaf secara tunai. Tambahan pula, pelancaran ini juga memperkenalkan fasiliti pewakafan perbankan secara tunai atas talian melalui CIMBClicks! yang disediakan oleh CIMB Islamic Bank Berhad. Menerusi fasiliti ini ia akan memberikan kesan positif dari sudut efisien dan fleksibiliti pembayaran wakaf tunai. Saya yakin bahawa kemudahan ini dapat memberikan lonjakan pada angka kutipan tahunan Wakaf Tunai Malaysia.

Akhir kata, saya dengan setulus hati mendoakan kejayaan YWM dalam menjalankan usaha murni ini dan ucapan jutaan terima kasih kepada seluruh warga YWM yang telah memberikan komitmen tinggi dan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2016. Semoga kejayaan YWM akan sentiasa berterusan dan dirahmati Allah ﷻ.

Sekian, wassalam.

**MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**

# PERUTUSAN NAIB PENGERUSI

**KETUA PENGARAH JAWHAR**
**MERANGKAP NAIB PENGERUSI YWM**



Segala puji bagi Allah ﷾ Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam ke atas penghulu umat, Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda yang telah dijanjikan kesejahteraan ke atas mereka. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah ﷾ kerana dengan taufik serta inayah-Nya, Laporan Tahunan 2016 YWM telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan salah satu usaha yang baik dalam menyalurkan maklumat dan informasi tentang aktiviti yang telah dilaksanakan kepada masyarakat oleh pihak YWM.



Saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan laporan ini secara langsung mahupun tidak langsung. Adalah satu keperluan laporan ini diterbitkan bagi merumuskan aktiviti dan prestasi keseluruhan YWM bagi tahun 2016. Dalam usaha YWM untuk mencapai kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam mengenai wakaf di samping membudayakan amalan berwakaf di kalangan masyarakat di negara ini, pelbagai inisiatif dan promosi telah dilaksanakan oleh YWM yang turut dimuatkan dalam laporan kali ini.

Justeru, adalah menjadi harapan saya yang besar agar laporan yang diterbitkan ini dapat memberikan info yang berguna dan tepat kepada semua pihak dan menjadi rujukan kepada masyarakat khususnya mengenai YWM. Moga masyarakat di Malaysia lebih cakna dalam membudayakan amalan berwakaf, khususnya melalui produk-produk YWM yang terkini iaitu Sijil Wakaf Tunai.

Akhir kalam, diharapkan segala yang direncanakan oleh YWM bagi pembangunan wakaf di Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seiring dengan peredaran masa, semoga YWM dapat memastikan penubuhannya sebagai satu entiti wakaf di peringkat kebangsaan sentiasa relevan.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya.

**AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN**



# PERUTUSAN

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya jua YWM sekali lagi dapat meneruskan tradisi menerbitkan laporan tahunan yang merakamkan aktiviti serta pencapaian YWM termasuk anak syarikat YWM, Perbadanan Wakaf Nasional Berhad sepanjang tahun 2016. Ini menggambarkan kerjasama serta komitmen jitu yang diberikan oleh seluruh warga kerja YWM dalam melaksanakan tanggungjawab serta amanah untuk memperkasakan YWM sebagai organisasi Islam yang unggul.

Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan juga sekalung tahniah kepada semua yang terlibat dalam penghasilan laporan ini. Saya yakin dengan penerbitan laporan tahunan ini, segala maklumat, aktiviti serta pencapaian YWM sepanjang tahun 2016 ini dapat diuar-uarkan kepada masyarakat. Selain itu, kesedaran masyarakat mengenai wakaf dapat ditingkatkan dan membantu pelbagai pihak sama ada sektor kerajaan, swasta ataupun pendidikan untuk mengetahui perkembangan wakaf semasa.

Oleh yang demikian, besarlah harapan saya agar laporan yang diterbitkan ini dijadikan “kayu pengukur” dan sumber rujukan yang sangat penting dan berguna kepada masyarakat Islam, seterusnya dapat menarik lagi minat masyarakat untuk berwakaf serta membudayakan amalan berwakaf.

Akhir kata, semoga laporan ini dapat memberi panduan yang berguna kepada masyarakat dalam memahami potensi wakaf dalam pelbagai aspek dan juga satu alat pemantapan dalam memperkasakan wakaf di Malaysia antara YWM, JAWHAR dan MAIN.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**DATO’ PROF. DR. SUDIN HARON**

# MAKLUMAT KORPORAT



# LATAR BELAKANG PENUBUHAN

## PENGENALAN

YWM telah ditubuhkan secara rasminya pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

## VISI

Menjadi sebuah organisasi terunggul dalam memperkasakan agenda ummah melalui pemantapan instrumen wakaf.




## MISI

Kami sentiasa berusaha untuk:

- Mencapai tahap penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- Memupuk kesedaran masyarakat tentang potensi wakaf; dan
- Menjana sumber modal bagi memajukan aset-aset wakaf secara holistik dan bersepadu.

## FUNGSI UTAMA

Bersama-sama MAIN untuk:

- Membangunkan tanah wakaf sedia ada;
- Mewujudkan hartanah wakaf baru; dan
- Membangunkan ekonomi ummah melalui instrumen wakaf.

- Mengumpul dana wakaf;
- Membangun dan memajukan harta wakaf;
- Melaksanakan program kebajikan dan sosial;
- Menjalankan program pelaburan;
- Mengadakan program promosi dan penerbitan; dan
- Mempelopori Wakaf Korporat.

## FUNGSI



## OBJEKTIF

- Membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku Pemegang Amanah Tunggal wakaf;
- Membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat dan amalan jariah melalui pembangunan ekonomi, sosial dan kebajikan umat Islam;
- Menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari, terkini dan inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf;
- Menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi dalam kalangan umat Islam secara progresif dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan; dan
- Menyempurnakan amanah pewakaf.

# STRUKTUR ORGANISASI



# LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

**PENGERUSI**



**YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**NAIB PENGERUSI**



**Encik Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman**
Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

**AHLI**



**YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Penasihat Perundangan Syariah Jabatan Peguam Negara



**YBhg. Tan Sri Dato' Hashim bin Meon**
Presiden Yayasan Kepimpinan dan Strategi Malaysia



**YB Datuk Wira Haji Yaakub bin Md. Amin**
Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka



**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar**
Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Ab. Kadir**
Pengerusi
Ketua Panel Pemikir
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia



**YDH Dato' Sri Haji Wan Abdul Wahid bin Wan Hassan**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang



**YB Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail**
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu



**YB Dato' Haji Mohd Salleh bin Man**
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang





**YBhg. Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Kedah



**YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam



**YBhg. Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan



**YBhg. Dr. Amiruddin bin Muhamed**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak



**Tuan Haji Kamal Amran bin Kamarudin**
Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan



**Tuan Haji Md. Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor



**Tuan Haji Abu Bakar bin Yang**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Wakaf Selangor



**Tuan Haji Mohd Nazim bin Mohd Noor**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis



**Encik Junaidi bin Haji Jumahad**
Timbalan Pengerusi
Majlis Ugama Islam Sabah



**Encik Rosli bin Yaakub**
Ketua Seksyen Parlimen
Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi
Kementerian Kewangan



**Encik Khalid bin Mohamed**
Timbalan Pengarah 1
Bahagian Bajet Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi

# JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

**PENGERUSI**



**YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Penasihat Perundangan Syariah
Jabatan Peguam Negara



**AHLI**



**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Ab. Kadir**
Pengerusi
Ketua Panel Pemikir
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia



**YBhg. Prof. Madya Dr. Aznan bin Hassan**
Pensyarah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

# JAWATANKUASA PELABURAN DAN KEWANGAN

**PENGERUSI**



**YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan
Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam

**AHLI**



**YBhg. Ar. Prof. Datuk Amer Hamzah bin Mohd Yunus**
Timbalan Ketua
Pengarah Kerja
Raya
(Sektor Bangunan)
Jabatan Kerja Raya
Malaysia



**YBhg. Prof. Madya Dr. Aznan bin Hassan**
Pensyarah
Universiti Islam
Antarabangsa
Malaysia



**Encik Rosli bin Yaakub**
Ketua Seksyen
Parlimen
Bahagian Strategi
Korporat dan
Komunikasi
Kementerian
Kewangan



**Encik Roslan bin Abdul Razak**
Perunding Utama
Wafiq Advisor

# JAWATANKUASA PENGURUSAN

**PENGERUSI**



**Encik Rosli bin Yaakub**
Ketua Seksyen Parlimen
Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi
Kementerian Kewangan

**AHLI**



**YBhg. Tan Sri Dato' Hashim bin Meon**
Presiden
Yayasan Kepimpinan dan Strategi Malaysia



**Encik Mohamad Fauzi bin Md. Isa**
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam



**Puan Shobhah binti Jamil**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri



# JAWATANKUASA AUDIT

**PENGERUSI**



**YBhg. Tan Sri Dato' Hashim bin Meon**
Presiden
Yayasan Kepimpinan dan Strategi Malaysia

**AHLI**



**YBhg. Datuk Mariam Kholidah binti Zulkifli**
Setiausaha
Bahagian Audit Dalam
Jabatan Perdana Menteri



**Encik Mohd Sabree bin Yaakub**
Ketua Penolong Pengarah
Seksyen Perakaunan Persekutuan
Unit Operasi Akaun Persekutuan
Bahagian Pengurusan Operasi Pusat dan Agensi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

# CARTA ORGANISASI

## KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**



YBHG. DATO' PROF. DR. SUDIN BIN HARON

**BAHAGIAN PROJEK DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**



ENCIK ABDUL HALIM BIN MAT YUSOP

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PRODUK WAKAF**



PUAN HERLINA BINTI AHMAD BASRI

**BAHAGIAN PEMASARAN DAN PENYELARASAN**



CIK HAIDATUL AZIA BINTI HUSIN

**BAHAGIAN KEWANGAN DAN KORPORAT**



PUAN NUR SYAFFINA BINTI AB. RAHIM

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**



PUAN HANIM IDZURA BINTI MOHD KALYUBI

# WARGA KERJA YWM



YBhg. Dato' Prof. Dr. Sudin Haron
**Ketua Pegawai Eksekutif**

## BAHAGIAN PROJEK & PEMBANGUNAN PERNIAGAAN



Encik Abdul Halim bin Mat Yusop
**Pengurus**



Puan Maya Idura binti Sabar
**Eksekutif**

## BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PRODUK WAKAF



Puan Herlina binti Ahmad Basri
**Pengurus (Merangkap PUU)**



Encik Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman
**Eksekutif**



Encik Mohd Bokhari bin Mat Doa
**Eksekutif**



Puan Zuzilawati binti Remali
**Pembantu Tadbir**

## BAHAGIAN PEMASARAN DAN PENYELARASAN



Cik Haidatul Azia binti Husin
**Eksekutif Kanan**



Encik Mohd Fazdli bin Rosli
**Eksekutif**



Puan Majidah binti Zainudin
**Penolong Pegawai Tadbir**



Cik Nurain binti Hasri
**Penolong Pegawai Tadbir**

PEGAWAI TETAP
PEGAWAI KONTRAK



Puan Ramlah binti Muhamad
**Setiausaha**

## BAHAGIAN KEWANGAN DAN KORPORAT



Puan Nur Syaffina binti Ab. Rahim
**Penolong Pengurus**



Puan Nurul Hidayah binti Hassan
**Akauntan**



Puan Nor Diyana binti Che Mat
**Penolong Akauntan**



Cik Munirah binti Mat Junoh
**Penolong Akauntan**



Encik Wan Mohd Lokman bin Wan Md. Zin
**Pembantu Tadbir**



Puan Nurul 'Abidah binti Ismail
**Pembantu Tadbir**

## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi
**Eksekutif Kanan**



Puan Norbaity Hariani binti Muhammad
**Eksekutif**



Encik Mohd Hafiz bin Sahruddin
Penolong Pegawai **Teknologi Maklumat**



Cik Aniza binti Ludin
**Pembantu Tadbir**



Encik Mohd Azmeer bin Abdul Aziz
**Pembantu Tadbir**



Encik Muhammad Fahmie bin Mohd Adnan
**Pembantu Operasi**



Encik Khairul Muhaimin bin Abdul Kari
**Pemandu**



Encik Mohd Zainol Abidin bin Mamat
**Pemandu**

# Laporan Operasi Utama



# LAPORAN OPERASI UTAMA: MENGUMPUL DANA WAKAF

## PENGENALAN

Sehingga 31 Disember 2016, kutipan keseluruhan Wakaf Tunai Malaysia berjumlah **RM8,547,780.24.**

## PERINCIAN KUTIPAN

Kutipan Wakaf Tunai Malaysia terkumpul bagi tahun 2016 berjumlah RM2,146,460.00.






**Carta 1: Jumlah Kutipan Wakaf Tunai Malaysia bermula dari Tahun 2009 hingga 31 Disember 2016**

## PERINCIAN KUTIPAN SIJIL WAKAF TUNAI

Bermula 30 Jun 2016, Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia telah meluluskan pelaksanaan kutipan wakaf melalui Sijil Wakaf Tunai Pendidikan, Sijil Wakaf Tunai Kesihatan dan Sijil Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi dengan nilai RM10.00 bagi 1 unit sijil. Sehingga 31 Disember 2016, kutipan bagi sijil – sijil ini adalah seperti berikut:




**Carta 2: Jumlah Kutipan Sijil Wakaf Tunai dari 30 Jun 2016 hingga 31 Disember 2016**

### SECARA LANGSUNG (*ONE-OFF*)

Kutipan secara langsung melalui kaunter YWM, wang pos, pameran, perkhidmatan bank dan sumbangan korporat.




**Carta 3: Jumlah Kutipan Secara Langsung dari Tahun 2009 hingga 31 Disember 2016**

### SECARA POTONGAN GAJI

Sumbangan wakaf secara potongan gaji juga boleh dibuat secara atas talian dengan mengisi borang potongan gaji yang disediakan. Untuk penjawat awam Persekutuan, kod potongan gaji yang digunakan adalah 4474.




**Carta 4: Jumlah Kutipan Secara Potongan Gaji dari Tahun 2009 hingga 31 Disember 2016**

## PERINCIAN AGIHAN

Pengagihan ini selaras dengan jalinan kerjasama antara YWM dan MAIN terlibat iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) / Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINkd), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam melaksanakan kutipan wakaf tunai menggunakan kod Potongan Gaji YWM, iaitu 4474.




**Carta 5: Perincian Agihan Kepada MAIN**

# LAPORAN OPERASI UTAMA: MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN HARTA WAKAF

## A. PROJEK KECIL BERIMPAK BESAR OLEH YWM

### PENGENALAN

Pembinaan Bazar Wakaf Rakyat telah diluluskan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR. Pembinaan ini bertujuan untuk mengimarahkan masjid sekaligus memberi peluang perniagaan kepada masyarakat setempat untuk berniaga di bazar ini.

### OBJEKTIF

- Meningkatkan pembangunan di atas tanah-tanah wakaf yang terpilih dan strategik;
- Membantu memberi peluang kepada peniaga sedia ada dan mereka yang berminat untuk meningkatkan pendapatan dengan menyediakan kemudahan ruang perniagaan bagi mengembangkan kegiatan perniagaan;
- Meningkatkan taraf ekonomi penduduk khususnya usahawan bumiputera / muslim; dan
- Mengimarahkan masjid sebagai institusi komuniti kepada masyarakat setempat.

Senarai projek bagi tahun 2016:

| BIL | NAMA PROJEK |
|---|---|
| **SELANGOR** | |
| 1 | Cadangan Membina Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat (4 Unit) di Masjid Taman Subang Perdana, Shah Alam, Selangor |
| 2 | Cadangan Membina Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat (4 Unit) di Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor |

**Jadual 1: Senarai Projek YWM sehingga 31 Disember 2016**

### PROJEK SIAP



**Gambar 1: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Taman Subang Perdana, Shah Alam, Selangor**



**Gambar 2: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor**

## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK

Tarikh : 18 Mei 2016

Lokasi : Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Taman Subang Perdana, Shah Alam, Selangor



**Gambar 3: Sebahagian Gambar Penyerahan Kunci di Bazar Wakaf Rakyat Masjid Taman Subang Perdana, Shah Alam, Selangor**



Tarikh : 28 Disember 2016

Lokasi : Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor



**Gambar 4: Sebahagian Gambar Penyerahan Kunci di Bazar Wakaf Rakyat Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor**

## B. PEMBELIAN UNIT KEDAI PEJABAT

### 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI BANGI GATEWAY, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR (LOT 15)

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh Pembelian** | : | 20 Januari 2016 |
| **Harga** | : | RM3,350,000.00 |
| **Pemaju** | : | KLIA Properties Sdn. Bhd. |

### 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI BANGI GATEWAY, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR (LOT 17)

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh Pembelian** | : | 20 Januari 2016 |
| **Harga** | : | RM2,900,000.00 |
| **Pemaju** | : | KLIA Properties Sdn. Bhd. |



**Gambar 5: Sebahagian Gambar Kedai Pejabat 3 Tingkat di Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi, Selangor**

## 3 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI KOMPLEKS PERNIAGAAN AMAN JAYA, JITRA, KEDAH

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh Pembelian** | : | 10 Februari 2016 |
| **Harga** | : | RM2,008,800.00 |
| **Pemaju** | : | C.T. World Development Sdn. Bhd. |



**Gambar 6: Sebahagian Gambar Kedai Pejabat 3 Tingkat di Kompleks Perniagaan Aman Jaya, Jitra, Kedah**

## 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI BANGI GATEWAY, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR (LOT 10)

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh Pembelian** | : | 30 Mac 2016 |
| **Harga** | : | RM2,198,888.00 |
| **Pemaju** | : | KLIA Properties Sdn. Bhd. |



**Gambar 7: Sebahagian Gambar Kedai Pejabat 3 Tingkat di Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi, Selangor**

## C. PELAKSANAAN WAKAF KORPORAT

PWNB selaku anak syarikat milik penuh YWM telah dilantik dan diamanahkan oleh YWM sebagai pelaksana kepada Program Wakaf Korporat ini. Kerajaan Persekutuan menerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) pada 13 Januari 2015 telah meluluskan pelaksanaan Program Wakaf Korporat.

| | |
|---|---|
| **Wakaf prihatin** | Satu skim wakaf yang membolehkan masyarakat berwakaf di mana manfaatnya digunakan bagi tujuan pelaksanaan aktiviti kebajikan melibatkan golongan miskin tegar, gelandangan, orang asli atau mana-mana golongan yang memerlukan di seluruh Malaysia secara bersama dengan MAIN yang berkaitan. |
| **Wakaf Bangunan Komersil, Wakaf Perindustrian, Wakaf Hospitaliti, Wakaf Kesihatan, Wakaf Perladangan** | Satu skim yang memberi peluang kepada masyarakat berwakaf melalui sijil wakaf untuk membiayai kos pembelian / pembangunan bangunan komersil / hotel / chalet / pusat peranginan / asrama pelajar / kompleks kilang / perindustrian / hospital / pusat kesihatan di mana hasil dan manfaatnya digunakan untuk kesejahteraan sosio-ekonomi umat Islam. |
| **Wakaf Perladangan** | Satu skim yang memberi peluang kepada masyarakat berwakaf melalui sijil wakaf berdasarkan jumlah batang pokok yang ditanam. Hasil yang diperolehi akan digunakan untuk kesejahteraan sosio-ekonomi umat Islam. |

# LAPORAN OPERASI UTAMA: MELAKSANAKAN PROGRAM PROMOSI DAN PENERBITAN

## PENGENALAN

Dalam usaha memperkenalkan YWM kepada masyarakat, YWM telah menjalankan beberapa kaedah promosi yang berupaya menguar-uarkan, menyedar dan menyebarluas informasi, produk serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh YWM kepada golongan sasar dengan lebih meluas. Di antara medium yang digunakan melalui media massa, media cetak, media sosial, seminar dan lain-lain.

## A. MEDIA ELEKTRONIK / CETAK

Objektif:

- ❖ Menguar-uarkan peranan dan pembangunan wakaf oleh YWM dan MAIN; dan
- ❖ Sebagai platform percambahan ilmu kepada masyarakat.



### Media Elektronik (Televisyen)

| TARIKH | RANCANGAN TELEVISYEN |
|---|---|
| 15 Jan | Assalamualaikum @ TV AlHijrah |
| 22 Jan | Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 |
| 12 Feb | Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 |
| 13 Mac | Nasional 1 @ RTM 1 |
| 18 Mac | Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 |
| 15 Apr | Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 |
| 13 Mei | Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 |
| 10 Jun | Selamat Pagi Malaysia @ RTM1 |
| 13 Jun | Nasional 1 @ RTM 1 |

**Jadual 2: Siaran YWM di Media Elektronik (Televisyen)**

### Media Elektronik (Radio)

| TARIKH | PERKARA | SALURAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Disember 2015 – Mei 2016 | Iklan Promosi YWM | RTM – Radio Negeri | 180 kali |
| | Bual Bicara | | 72 kali |
| Oktober 2016 – Disember 2016 | Bual Bicara | IKIM fm | 3 |

**Jadual 3: Jumlah Siaran YWM di Media Elektronik (Radio)**




**Gambar 8: Sebahagian Gambar Pegawai YWM dan MAIN yang Terlibat dalam Program Promosi Melalui Media**

## Media Cetak (Termasuk Liputan Program)


K2
MENYELAMI HIDUP ANDA
SAHAM AKHIRAT HARTA WAKAF


Pembangunan harta ikut keperluan semasa


Kongsi manfaat bersama masyarakat

### Harian Metro, 12 Februari 2016


Metroplus
# Kayuhan Hulubalang Wakaf
70 peserta berkayuh 64km beri sumbangan kepada masyarakat Orang Asli

### Metro Ahad, 21 Februari 2016


SANTUN MASYARAKAT Orang Asli

### Berita Harian, 8 Mac 2016


# Latih belia asnaf berdikari

## Teganu Kita, 24 April 2016



Sultan Mizan Rasmi Persidangan Wakaf Senusantara

## Utusan Online, 24 April 2016



Bantu MAIDAM bangunkan tanah wakaf – Sultan Mizan

KUALA TERENGGANU 24 April – Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin mahu anak syarikat kerajaan negeri, pihak swasta dan institusi kewangan sama-sama membantu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) membangunkan tanah wakaf di negeri ini.

Baginda bertitah, tanah-tanah wakaf itu berpotensi untuk dimajukan dan kerjasama itu dapat menyumbangkan dana bagi pembangunan hartanah wakaf dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi rakyat negeri ini khususnya golongan miskin.

"Beta difahamkan daripada tanah-tanah wakaf yang terdapat di negeri ini, ada yang berpotensi untuk dimajukan, namun ia tak dapat dilaksanakan memandangkan MAIDAM kekurangan dana.

"Beta dimaklumkan bagi menampung kekurangan dana itu, MAIDAM pada masa ini sedang giat mempromosi Wakaf Tunai bagi menggalakkan umat Islam mewakafkan wang tunai mereka di mana dana wakaf itu akan ditukar kepada aset kekal melalui pembangunan tanah wakaf sedia ada," titah baginda.

Sultan Mizan bertitah demikian ketika merasmikan majlis Persidangan Wakaf Senusantara 2016 di Primula Beach Resort di sini hari ini yang turut disertai pembentang dan ilmuwan dari Indonesia, Brunei dan Singapura.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Osman Muda.

Sultan Mizan bertitah, selain itu, ia juga melibatkan pembelian aset strategik dan bernilai komersial seperti pembelian promosi perkedaian, pejabat dan membangunkan tanah perladangan serta perkilangan.

Titah baginda, di bawah MAIDAM, setakat ini terdapat 704 lot tanah wakaf bagi tujuan wakaf tapak masjid, tapak surau, tapak kubur, manfaat wakaf, wakaf am, wakaf zuriat, wakaf kepada anak yatim, wakaf kepada pendidikan agama dan wakaf kebajikan sosial.

"Di Terengganu, MAIDAM merupakan pemegang amanah tunggal wakaf seperti yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) Tahun 2001, Seksyen 63," titah Sultan Mizan.

## Bernama, 24 April 2016



Sultan Terengganu Seru Semua Pihak Bantu Bangunkan Tanah Wakaf

## Harian Metro, 28 Ogos 2016



'JANGAN POTONG DATO'

## Harian Metro, 25 April 2016



myMetro

**Sama sama sumbang dana**

SULTAN Mizan bersalaman dengan Ahmad Razif sambil diperhatikan Jamil Khir (tengah) pada Majlis Perasmian Wakaf [illegible] 2016, semalam.
myMetro

Kuala Terengganu: Syarikat kerajaan negeri, agensi swasta dan institusi kewangan diminta bersama-sama menyumbang dana bagi pembangunan hartanah wakaf negeri itu.

Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah, harta wakaf adalah satu daripada tuntutan dalam Islam dan ia bukan suatu ibadat bagi mendapatkan pahala semata-mata, tetapi mampu menjadi saluran pengukuhan ekonomi dan sosial.

"Dengan berwakaf, secara tidak langsung ia dapat memartabatkan agama dan meningkatkan sosio- ekonomi umat Islam sehingga dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan umat Islam.

"Di Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang menjadi pemegang amanah tunggal harta wakaf negeri ini mempunyai 704 lot tanah wakaf dengan pelbagai tujuan seperti tapak masjid, surau, manfaat wakaf, surat, anak yatim dan kebajikan sosial.

"Beta dimaklumkan ada tanah wakaf yang berpotensi untuk dimaju dan dibangunkan secara komersial, tetapi tidak dapat dilaksanakan berikutan kekurangan dana bagi tujuan itu," titahnya pada majlis Perasmian Persidangan Wakaf [illegible] 2016, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Osman Muda.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 25 April 2016 @ 5:05 AM



## Metro Ahad, 2 Oktober 2016



BERKAYUH DALAM HUJAN LEBAT




**Carta 6: Bilangan Program di Media Elektronik/Cetak bagi Tahun 2016**




**Carta 7: Bilangan Promosi Program/Info dan Likers/Followers di Media Sosial YWM sehingga Tahun 2016**

MEDIA SOSIAL

## B. PRIHATIN WAKAF

**Objektif:**

- Memberi kesedaran dan kefahaman mengenai Wakaf Tunai Malaysia;
- Memperkenalkan kaedah potongan gaji Wakaf Tunai Malaysia khususnya, kepada penjawat awam persekutuan;
- Meningkatkan tabungan Wakaf Tunai Malaysia; dan
- Memupuk kesedaran masyarakat tentang potensi wakaf sebagai instrumen pemacu ekonomi ummah dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah.






**Carta 8: Bilangan Agensi yang Menyertai Program Prihatin Wakaf Bagi Tahun 2016**

## Taklimat Wakaf

| TARIKH | AGENSI |
|---|---|
| 22 Mac | Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, Kuala Lumpur |
| 6 Apr | Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis |
| 7 Apr | Universiti Malaysia Perlis |
| 15 Apr | Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya |
| 20 Apr | Universiti Teknologi MARA Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 28 Apr | Universiti Teknologi MARA Dungun, Terengganu |
| 28 Apr | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor |
| 16 Mei | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Sungai Besi, Kuala Lumpur |

| TARIKH | AGENSI |
|---|---|
| 17 Mei | Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu |
| 1 Jun | Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor |
| 20 Jun | Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu |
| 28 Jul | Dewan Seri Jerai, Universiti Teknologi MARA Kedah |
| 4 Okt | Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah |
| 18 Okt | Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor |
| 11 Nov | Pejabat FAMA Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan |
| 17 Nov | Amanah Raya Berhad, Kuala Lumpur |
| 25 Nov | Bank Rakyat Cawangan Banting, Selangor |
| 27 Nov | Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Kedah |
| 27 Nov | KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd., Alor Setar, Kedah |
| 28 Nov | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah |
| 30 Nov | TATI University College (TATIUC), Terengganu |
| 1 Dis | Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu, Terengganu |
| 5 Dis | Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu |
| 5 Dis | Pejabat MARA Terengganu, Terengganu |
| 8 Dis | Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Perlis |
| 9 Dis | Jabatan Bantuan Guaman Perlis |
| 9 Dis | Jabatan Pengangkutan Jalan Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 14 Dis | Kolej INSTEDT, Bandar Penawar, Johor |
| 18 Dis | Universiti College Bestari, Setiu, Terengganu |
| 19 Dis | Lembaga Tabung Haji Cawangan Terengganu |
| 19 Dis | Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu, Terengganu |

**Jadual 4: Program Taklimat Wakaf Sepanjang Tahun 2016**




**Carta 9: Jumlah Kehadiran Peserta dan Bilangan Pewakaf Taklimat Wakaf**




**Carta 10: Bilangan Pewakaf dan Pecahan Sumbangan Wakaf Sempena Taklimat Wakaf 2016**




**Gambar 9: Sebahagaian Gambar Program Taklimat Wakaf 2016**

## Persidangan Wakaf Senusantara 2016

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 24-25 April 2016 |
| **Lokasi** | : | Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu |
| **Peserta** | : | 649 orang |

**Objektif**

- ❖ Memberi pemahaman kepada peserta mengenai kaedah pelaksanaan dan perundangan mengenai wakaf di setiap negara yang terlibat;
- ❖ Berkongsi pengalaman pembangunan wakaf di negara-negara serumpun; dan
- ❖ Mengenalpasti mana-mana kaedah atau program yang boleh diadaptasikan dalam pembangunan wakaf di Malaysia

**Resolusi Program**

- ❖ MAIN, JAWHAR dan YWM perlu bekerjasama dalam membangunkan hartanah wakaf di Malaysia supaya dapat memberikan manfaat kepada umat Islam khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya;
- ❖ MAIN, JAWHAR dan YWM perlu bekerjasama dalam memantau aktiviti kutipan wakaf yang dilaksanakan oleh pihak-pihak lain yang tidak mendapat kebenaran daripada MAIN bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan dana wakaf;
- ❖ Kefahaman mengenai ibadah wakaf dikalangan masyarakat umum sudah ada, tetapi masih sedikit yang terlibat di dalam aktiviti berwakaf. Justeru, MAIN, JAWHAR dan YWM perlu menggiatkan aktiviti penerangan dan hebahan kepada masyarakat; dan
- ❖ MAIN dan YWM perlu mewujudkan lebih banyak Wakaf Khas, kerana masyarakat umum lebih tertarik untuk berwakaf bagi projek-projek berbentuk khas berbanding secara umum.

**Syor Program**

- ❖ MAIN dan YWM perlu meningkatkan kerjasama dengan pihak Perbankan Islam dalam mempromosi kutipan wakaf tunai dan mewujudkan produk pelaburan bagi dana wakaf yang patuh syariah, bebas dari elemen *syubhah* dan *capital guaranteed;*
- ❖ Hebahan kepada masyarakat mengenai agihan atau pelaksanaan projek- projek wakaf yang dilaksanakan oleh MAIN, JAWHAR dan YWM perlu dipertingkatkan supaya masyarakat dapat maklumat yang jelas dan tepat;
- ❖ MAIN, JAWHAR dan YWM perlu mengenalpasti mekanisma yang terbaik bagi membendung gejala kegiatan kutipan wakaf tunai tanpa kebenaran;

- ❖ MAIN, JAWHAR dan YWM perlu berbincang dengan pihak berkaitan perancangan bandar bagi mewujudkan polisi setiap kawasan perumahan yang baru, diperuntukkan kawasan bagi pembangunan Masjid/Surau, Sekolah Agama yang berkedudukan lebih strategik dan sesuai;
- ❖ MAIN dan JAWHAR perlu mengesyorkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Wakaf Irsod supaya lebih banyak tanah wakaf baru dapat diwujudkan dan seterusnya meningkatkan aset bukan kewangan Bumiputera;
- ❖ MAIN dan JAWHAR perlu memberikan sokongan padu kepada YWM dalam pelaksanaan pembangunan wakaf komersil yang akan memberikan pulangan dana pusingan (*revolving fund*) bagi projek-projek wakaf komersil atau sosial yang selanjutnya.
- ❖ Perjawatan di Bahagian Wakaf di setiap MAIN perlu diperkukuhkan dengan pegawai-pegawai yang berkemahiran dalam sektor ekonomi dan pelaburan seperti Sukuk dan REIT.
- ❖ Mendapatkan pandangan dari ahli profesional bagi produk-produk kewangan Islam serta menjalankan kajian berkaitan pembangunan hartanah wakaf yang lebih mampan.
- ❖ Agenda pembangunan wakaf dimasukkan sebagai salah satu teras di dalam Rancangan Pemajuan di setiap PBT.





**Gambar 10: Sebahagian Gambar Persidangan Wakaf Senusantara 2016**

## Seminar Wakaf Negeri




**Carta 11: Bilangan Peserta dan Lokasi Bagi Program Seminar Wakaf Negeri**

| TARIKH | LOKASI |
|---|---|
| 15 Ogos | Dewan Maharani Masjid Sultan Ibrahim, Muar, Johor |
| 18 Ogos | Dewan Pejabat Kadi, Mersing, Johor |
| 21 Ogos | Dewan Masjid Jamek Bandar Kluang, Johor |
| 23 Ogos | Dewan Muktamar Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur |
| 25 Ogos | Dewan Sekolah Agama Bandar, Jalan Bukit Seri Lalang, Kota Tinggi, Johor |
| 29 Ogos | Dewan Masjid Taman Puteri, Kulai, Johor |
| 1 Sept | Dewan Seminar Masjid Pontian, Johor |
| 4 Sept | Dewan Bangunan Wakaf Batu Pahat, Johor |
| 7 Sept | Dewan As-Syafie, Masjid Bandar Segamat, Johor |
| 8 Sept | Dewan Pusat Pengembangan Al-Quran, Masjid Bandar Tangkak, Johor |
| 21 Sept | Dewan Pusat Perlindungan Wanita, Taman Perling, Johor Bahru, Johor |
| 16-17 Disember | Hall 1, Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu, Sabah |

**Jadual 5: Lokasi Seminar Wakaf Peringkat Negeri Tahun 2016**




**Carta 12: Jumlah Pewakaf dan Terimaan Wakaf Bagi Program Seminar Wakaf Negeri**



## C. WAKAF ROAD TOUR

Objektif:

- ❖ Memperkenalkan YWM di samping menguar-uarkan Wakaf Tunai Malaysia kepada masyarakat; dan
- ❖ Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam Wakaf Tunai Malaysia oleh YWM atau skim wakaf tunai oleh MAIN




**Carta 13: Bilangan Lokasi (Mengikut Negeri) dan Anggaran Pengunjung yang Hadir ke Wakaf Road Tour 2016**

| TARIKH | PROGRAM DAN LOKASI |
|---|---|
| 4 Mac | Kembara Wakaf Negeri Sembilan 2016 (KAWANS 2016) di Masjid Hussain Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan |
| 11 Mac | KAWANS 2016 di Masjid Jamek Abdullah Sijang, Port Dickson, Negeri Sembilan |
| 18 Mac | KAWANS 2016 di Masjid Putra, Nilai, Negeri Sembilan |
| 25 Mac | KAWANS 2016 di Masjid Kariah Al-Firdaus Melang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 21-26 Mac | Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-59 Tahun 1437H/2016 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya |
| 26 Mac | Kayuhan Prihatin Wakaf Perlis di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar, Perlis |
| 31 Mac | Syarahan Perdana INFRA Siri 1 2016 di Institut Kemajuan Desa, Bangi, Selangor |
| 1 April | KAWANS 2016 di Masjid Jamek An-Nur, Rembau, Negeri Sembilan |
| 8 April | KAWANS 2016 di Masjid Jamek Tuanku Besar, Tampin, Jelebu, Negeri Sembilan |
| 15 April | KAWANS 2016 di Masjid Jamek Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan |
| 23 April | Kayuhan Prihatin Wakaf Terengganu di Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM), Kuala Terengganu, Terengganu |
| 24-25 April | Persidangan Wakaf Senusantara 2016 di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu |
| 29 April | Malam Muafakat Johor di Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur |
| 19 Julai | Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam di Auditorium JPA, Putrajaya |
| 23 Ogos | Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Wilayah Persekutuan 2016 di Dewan Muktamar Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur |
| 26-28 Ogos | Festival Ittihad Malaysia di Masjid Al-Ikhlas, Seksyen 3, Shah Alam, Selangor |
| 6 Oktober | Istiadat Penganugerahan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) dan Felo INTAN 2016 di Putrajaya International Convention Centre, Putrajaya |
| 6-8 Oktober | Karnival Majlis Agama Islam Negeri Johor 2016 Peringkat Daerah Tangkak di Dataran Ledang, Tangkak, Johor |
| 11 Oktober | Persidangan Tahunan Agama Puspanita 2016 di Dewan Sri Hendon, Puspanitapuri, Presint 10, Putrajaya |
| 31 Oktober | Majlis Pelancaran Sijil Wakaf Tunai YWM di Dewan Sri Vijaya, Menara Bumiputera Commerce, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur |
| 16-17 November | Karnival Wakaf Pendidikan dan Kesihatan di KPJ University College, Nilai, Negeri Sembilan |
| 17 November | Persidangan Tahunan Puspanita 2016 di Dewan Sri Hendon, Puspanitapuri, Presint 10, Putrajaya |
| 18 November | Karnival Wakaf Pendidikan dan Kesihatan di Masjid Kuarters KLIA, Nilai, Negeri Sembilan |
| 21 November | Hari Integriti di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Presint 4, Putrajaya |
| 29 November | Karnival Jom ke Perpustakaan di Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |
| 1-3 Disember | Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016 di Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor |

**Jadual 6: Lokasi Penyertaan Wakaf Road Tour oleh YWM Tahun 2016**




**Carta 14 : Bilangan Pewakaf dan Pecahan Sumbangan Wakaf bagi Program Wakaf Road Tour**





**Gambar 11: Sebahagian Gambar Penyertaan Booth Pameran/Kaunter Wakaf Tunai Malaysia**

## D. WAKAF PRIHATIN

**Objektif:**

- ❖ Membina imej YWM dan MAIN khususnya dalam program sosial bersama masyarakat;
- ❖ Menguar-uarkan kepada masyarakat mengenai kewujudan YWM selaku Entiti Wakaf Peringkat Kebangsaan yang berkebajikan; dan
- ❖ Sebagai galakkan kepada sektor korporat dan swasta untuk bersama-sama melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat.

| TARIKH | PROGRAM DAN LOKASI |
|---|---|
| 30 Jan | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey, Selangor |
| 22 Feb | Bantuan Perniagaan Ibu Tunggal kepada Puan Suhana binti Abdul Ghani di Kampung Sanglang, Perlis |
| 16 Mac | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah, Melaka |
| 24 Mac | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Lerek, Gemencheh, Negeri Sembilan |
| 26 Mac | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan di Dewan Ilmu Universiti Malaysia Perlis, Perlis - Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Perlis |
| 2 April | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan di Galas, Gua Musang, Kelantan - Kayuhan Prihatin Wakaf Galas anjuran YWM dan Belia 4B Gua Musang, Kelantan |
| 8-10 April | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan sempena Program Peduli Masyarakat (Bersamamu Nelayan 2016), Mersing, Johor |
| 19 April | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Lalang, Hulu Langat, Selangor |
| 21-24 April | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan sempena Karnival ~i~ Oh My Felda, Felda Palong 6, Gemas, Negeri Sembilan |
| 23 April | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Asrama Anak Yatim / Fakir / Miskin Darul Akhyar, Batu Rakit, Terengganu - Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Terengganu |
| 12 Mei | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sejagong, Batu Pahat, Johor |
| 28 Mei | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan di Jerai, Kedah - Kayuhan Amal Ambang Ramadan Peringkat Parlimen Jerai, Kedah |

| TARIKH | PROGRAM DAN LOKASI |
|---|---|
| 22 Jun | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada Persatuan Ibu Tunggal Peringkat Parlimen Kuala Kedah, Kuala Muda, Kedah |
| 23 Jun | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Pergam, Kemaman, Terengganu |
| 23 Jun | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Lerek, Gemencheh, Negeri Sembilan |
| 30 Jun | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia, Brickfields, Kuala Lumpur |
| 1 Julai | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Air Tawas, Gunung Ledang, Johor |
| 1 Julai | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada Puan Anizah binti Kusni (Ibu Tunggal) di Petaling Jaya, Selangor |
| 23 Julai | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada Penduduk Kampung Daerah Tangkak (baikpulih pendawaian rumah), Tangkak, Johor |
| 2 Ogos | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Merjuk, Bentong, Pahang |
| 17 September | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan di Seberang Kota, Kuala Kedah, Kedah – Kayuhan Prihatin Wakaf Peringkat Negeri Kedah |
| 5 November | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan di Daerah Pontian, Johor - Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Johor |
| 10 Disember | Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin kepada golongan memerlukan di Daerah Tangkak, Johor – Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Daerah Tangkak |

**Jadual 7: Lokasi Program Wakaf Prihatin Tahun 2016**




**Carta 15: Pecahan Program Berdasarkan Golongan Sasaran Program Wakaf Prihatin 2016**




**Carta 16: Bilangan Penerima Manfaat**



**Gambar 12: Sebahagian Gambar Program Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin 2016**

## E. KAYUHAN PRIHATIN WAKAF

Objektif:

- ❖ Mempromosikan kepada masyarakat tentang amalan berwakaf sebagai instrumen pemacu ekonomi ummah;
- ❖ Menguar-uarkan-uarkan kewujudan dan peranan YWM bersama-sama MAIN dalam pembangunan wakaf di Malaysia; dan
- ❖ Memberi kefahaman dan memupuk kesedaran mengenai amalan berwakaf kepada semua lapisan masyarakat melalui aktiviti sukan.

| TARIKH | PROGRAM DAN LOKASI |
|---|---|
| 30 Jan | Kayuhan Prihatin Wakaf Sempena Program Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin di Perkampungan Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor |
| 26 Mac | Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Perlis |
| 2 Apr | Kayuhan Prihatin Wakaf Peringkat DUN Galas Belia 4B Gua Musang, Gua Musang, Kelantan |
| 23 Apr | Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Terengganu |
| 28 Mei | Kayuhan Amal Ambang Ramadan 2016 Peringkat Parlimen Jerai, Jerai, Kedah |
| 23 Julai | Kayuhan Half Century Prihatin Wakaf, Tangkak, Johor |
| 12 Ogos | Kayuhan Pengenalan Hulubalang Wakaf Johor, Tangkak, Johor |
| 17 September | Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Kedah |
| 8 Oktober | Kayuhan Amal sempena Karnival MAIJ 2016 |
| 5 November | Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Negeri Johor |
| 10 Disember | Kayuhan Prihatin Wakaf 2016 Peringkat Daerah Tangkak, Johor |

**Jadual 8: Senarai Program Kayuhan Prihatin Wakaf**






**Carta 17: Bilangan Program dan Peserta Kayuhan Prihatin Wakaf Tahun 2016**




Gambar 13: Sebahagian Gambar Program Kayuhan Prihatin Wakaf

## F. VIDEO WAKAF MALAYSIA

Objektif:

- ❖ Digunakan sebagai bahan yang memberikan pengetahuan kepada masyarakat atau delegasi luar mengenai wakaf di Malaysia;
- ❖ Mewujudkan kebersamaan maklumat antara agensi Persekutuan dan Negeri dalam pentadbiran wakaf di Malaysia; dan
- ❖ Menguar-uarkan kejayaan pembangunan wakaf di Malaysia dengan lebih ringkas menggunakan grafik.




**Gambar 14: Penggambaran Bersama YB Dato' Yang Dipertua MAIDAM**





**Gambar 15: Penggambaran di Bangunan Projek Wakaf MAIPk, Ipoh**



**Gambar 16: Penggambaran Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk ke Kawasan Pembangunan Asrama Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar**




**Gambar 17: Penggambaran bersama Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP**

| TARIKH | MAJLIS AGAMA ISLAM | PERKARA |
|---|---|---|
| 20 Disember 2016 | Terengganu | Temu bual bersama Yang Dipertua MAIDAM, YBhg. Dato' Shaikh Harun bin Shaikh Ismail |
| 21 Disember 2016 | Perak | Lawatan ke Bangunan Projek Wakaf MAIPk dan kawasan pembangunan wakaf di sekitar negeri Perak serta temubual Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dr. Amiruddin bin Muhamed |
| 23 Disember 2016 | Wilayah Persekutuan | Temu bual bersama Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Jaafar |

**Jadual 9: Sesi Temu Bual dan Lawatan Ke Kawasan Pembangunan Wakaf bagi Penerbitan Video Wakaf**

## G. PENERBITAN




**Gambar 18: Majalah Wakaf Malaysia Edisi 1/2016 Oktober 2016 / Muharam 1438**




**Gambar 19: Laporan Tahunan 2015**

# RINGKASAN PELAKSANAAN PROGRAM

## Bilangan Keseluruhan Program (466 Program)






**Carta 18: Bilangan Keseluruhan Program Promosi dan Penerbitan Tahun 2016**

## Bilangan Keseluruhan Penglibatan Masyarakat (15,401 Masyarakat)




**Carta 19: Bilangan Keseluruhan Penglibatan Masyarakat dalam Program Promosi dan Penerbitan Tahun 2016**

## Bilangan Keseluruhan Pewakaf (966 pewakaf)




**Carta 20: Bilangan Keseluruhan Pewakaf dalam Program Promosi dan Penerbitan Tahun 2016**

## Jumlah Keseluruhan Terimaan (RM38,329.65)




**Carta 21: Jumlah Keseluruhan Terimaan (RM) dalam Program Promosi dan Penerbitan Tahun 2016**

## Pecahan Terimaan Wakaf (RM28,459.65)




**Carta 22: Pecahan Terimaan Wakaf (RM) dalam Program Promosi dan Penerbitan Tahun 2016**



## Bilangan Kontrak Syarikat (174 Syarikat/Nilai Kontrak Berjumlah RM1,318,542.98)




**Carta 23: Bilangan Kontrak Syarikat dan Nilai Kontrak (RM) dalam Program Promosi dan Penerbitan Tahun 2016**

# LAPORAN OPERASI UTAMA: MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN

## PENGENALAN

Bagi memastikan pembangunan wakaf yang lebih lestari, YWM turut melaksana serta mengurusetiakan kajian-kajian berkaitan pembangunan wakaf dan mengkaji pembangunan wakaf di negara-negara luar.

### A. SEMINAR PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN PELAN INDUK TRANSFORMASI PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF DI MALAYSIA

#### Pengenalan

YWM telah menganjurkan Seminar Pembentangan Hasil Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia pada 15 sehingga 17 Disember 2016 yang bertempat di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu, Sabah. Seminar dihadiri wakil dari Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Tabung Baitulmal Sabah dan Universiti Malaysia Sabah. Seramai 46 orang peserta telah hadir terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Tempatan.




**Gambar 20: Naskah Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia**

#### Objektif

Penganjuran program ini adalah bagi membentangkan hasil kajian kepada pihak MUIS untuk dijadikan sebagai rujukan dalam mentransformasi pembangunan hartanah wakaf di Sabah.



**Gambar 21: Sekitar Seminar Pembentangan Hasil Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia**



## B. TEMUBUAL PENYELIDIK DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM / INSTITUT KAJIAN

### Pengenalan

YWM turut menerima kunjungan dari beberapa institusi untuk mengadakan temubual bagi memperolehi maklumat mengenai wakaf.

| BIL. | TARIKH | NAMA PENYELIDIK | IPTA/INSTITUT KAJIAN | TAJUK KAJIAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 29 Februari | Encik Nik Mohd Azim bin Nik Ab Malik | Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia | Pengurusan dan Instrumen Wakaf di bawah YWM |
| 2. | 28 April | Puan Husna binti Mohd Sa'adan | Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya | Pembangunan Wakaf Pendidikan dan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Kajian Perundangan |
| 3. | 12 Mei | Encik Ahmad Shazrin bin Mohamed Azmi | Universiti Malaya | Pembangunan Hartanah Wakaf |

| BIL. | TARIKH | NAMA PENYELIDIK | IPTA/INSTITUT KAJIAN | TAJUK KAJIAN |
|---|---|---|---|---|
| 4. | 13 Mei | 1. YBhg. Dr. Asma<br>2. Encik Apnizan bin Abdullah<br>3. Encik Ahmad Badri bin Abdullah<br>4. Encik Razi bin Ahmad | Institut Kajian Tinggi Antarabangsa Malaysia | Cadangan Pelaksanaan Sadaqah Sebagai Produk Perbankan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan dari Sudut Perundangan |
| 5. | 29 Julai | Puan Surita Hartini binti Mat Hassan | Pusat Kajian Pengurusan Islam, Universiti Sains Malaysia | Kelestarian Pembangunan Hartanah Wakaf di Pulau Pinang |
| 6. | 8 Disember | Puan Hasyeilla binti Abd Mutalib | Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi MARA Perlis | *Utilisation of Waqf Property and Corporate Governance Practices of Institutional Mutawalli in Malaysia* (Penggunaan Harta Wakaf dan Tadbir Urus Korporat Institusi Mutawalli di Malaysia) |

**Jadual 10: Temubual Penyelidik dari Institut Pengajian Tinggi Awam / Institut Kajian Tahun 2016**



**Gambar 22: Sebahagian Gambar Temubual Penyelidik dari Institut Pengajian Tinggi Awam / Institut Kajian Tahun 2016**

# LAPORAN ANAK SYARIKAT



# PERBADANAN WAKAF NASIONAL BERHAD

## PENGENALAN

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh Diperbadankan | : | 2 Jun 2009 |
| No. Pendaftaran | : | 859171-H |
| Modal Berbayar | : | RM300,000 |
| Modal Dibenarkan | : | RM1,000,000 |
| Bank | : | -Maybank Islamic Berhad<br>-Bank Islam Malaysia Berhad |
| Juruaudit | : | Azhar Noriza Zainuddin (AF001865) |



## LEMBAGA PENGARAH



**YBHG. TAN SRI DATO' HASHIM BIN MEON**
Pengerusi



**YBHG. DATO' PROF. DR. SUDIN BIN HARON**
Pengarah Urusan



**YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN JAFFAR**
Pengarah



**YBHG. DATO' MOHD HUSNI BIN MOHAMAD SALLEH**
Pengarah



**ENCIK ROSLI BIN YAAKOB**
Pengarah

## MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PWNB 2016

| TARIKH | SIRI / BIL. | TEMPAT |
|---|---|---|
| 7 Januari | Siri 11 Bil. 1/2016 | Bilik Mesyuarat YWM |
| 13 April | Siri 12 Bil. 2/2016 | Pusat Wakaf MAIWP |
| 23 Mei | Siri 13 Bil. 3/2016 | Bilik Mesyuarat YWM |
| 13 Jun | Siri 14 Bil. 4/2016 | Bilik Mesyuarat YWM |
| 26 Julai | Siri 15 Bil. 5/2016 | Bilik Mesyuarat Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) |
| 4 Oktober | Siri 16 Bil. 6/2016 | Bilik Mesyuarat TERAJU |
| 24 November | Siri 17 Bil. 7/2016 | Bilik Mesyuarat Pemuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA) |

**Jadual 11: Senarai Mesyuarat Lembaga Pengarah PWNB 2016**

## MESYUARAT KHAS LEMBAGA PENGARAH PWNB 2016

| TARIKH | SIRI / BIL. | TEMPAT |
|---|---|---|
| 12 Mei | Siri 2 Bil. 1/2016 | Bilik Mesyuarat YWM |
| 21 Jun | Siri 3 Bil. 2/2016 | Yayasan Kepimpinan dan Strategi Malaysia |

**Jadual 12: Mesyuarat Khas Lembaga Pegarah PWNB 2016**

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PWNB 2016

| TARIKH | SIRI / BIL. | TEMPAT |
|---|---|---|
| 13 Jun | Kali ke-3 | Bilik Mesyuarat YWM |

**Jadual 13: Mesyuarat Agung Tahunan PWNB 2016**

## CARTA ORGANISASI



# AKADEMI KULINARI TERENGGANU

## Latar Belakang

- ❖ Dibangunkan oleh YWM di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di Lot 2466, 2467 dan 2468 Mukim Pulau Kerengga, Daerah Marang, Terengganu;
- ❖ Menggunakan peruntukan Bajet 2010 sebanyak RM2.5 juta;
- ❖ Kos latihan pelatih dibiayai menerusi dana zakat oleh MAIDAM dan penyediaan tenaga pengajar, silibus, pensijilan dan elaun bulanan disediakan oleh GIATMARA; dan
- ❖ Menawarkan kursus dalam bidang *Confectionary & Bakery* selama 6 bulan beserta asrama sepenuh masa kepada anak-anak asnaf Negeri Terengganu.

## Sesi Pembelajaran




**Carta 24: Bilangan Pelajar Mengikut Sesi**

## Majlis Graduasi Akademi Kulinari Terengganu Kali Ke-3

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 28 Februari 2016 |
| **Tempat** | : | Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM), Kuala Terengganu, Terengganu |
| **Bilangan pelajar** | : | 76 orang |
| **Sesi** | : | Ke-4 dan ke-5 |




**Gambar 23: Sebahagian Gambar Pelajar yang Bergraduasi**

## MENGURUSKAN WAKAF MART DI MASJID AN-NAJIHIN CHERAS

**Dibangunkan melalui peruntukan Bajet 2010**
Kos pembangunan: RM200,000.00
Tarikh siap: 22 Mei 2013
Mula operasi: 1 November 2014






**Carta 25: Jumlah Jualan (RM) Wakaf Mart Masjid An-Najihin Cheras**




**Gambar 24: Wakaf Mart di Masjid An-Najihin, Cheras**

## A. PROGRAM AGIHAN BARANGAN KEPERLUAN ASNAF (FAKIR, MISKIN DAN MUALLAF) MAINS DENGAN KERJASAMA YWM

### PENGENALAN

YWM dengan kerjasama MAINS melalui Pejabat Baitulmal Daerah-Daerah telah mengagihkan bantuan berupa kotak makanan yang mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, susu pekat manis, sardin, kicap, sos cili, kordial, gula, tepung, minyak masak, milo dan bihun untuk diagihkan kepada asnaf (fakir, miskin dan muallaf) bermula pada bulan Mac 2016 hingga bulan Disember 2016 yang lalu di seluruh daerah Negeri Sembilan.

Bantuan barangan keperluan asas sebanyak RM50.00 tersebut diagihkan melalui Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Jawatankuasa Masjid kepada asnaf-asnaf terpilih mengikut senarai yang disediakan oleh MAINS.

Program ini sekaligus dapat meringankan bebanan golongan asnaf dan meningkatkan kerjasama agensi antara YWM dan MAINS. Kesemua barangan dibekalkan oleh Wakaf Mart yang diruskan oleh Perbadanan Wakaf Nasional Berhad, subsidiari milik penuh YWM.

## SENARAI LOKASI BERDASARKAN DAERAH

### JELEBU

- Masjid Amar Penghulu
- Masjid Kuala Dulang
- Masjid Chenor
- Masjid Seperi
- Masjid Puom
- Masjid Jamek Kuala Klawang
- Masjid Chennah
- Masjid Bunga Tanjung
- Masjid Teriang
- Kompleks UMNO Simpang Pertang

### KUALA PILAH

- Pejabat DUN Seri Menanti
- Surau Kampung Nioh Tengah, Senaling
- Rumah YB Kuala Pilah
- Pejabat DUN Johol
- Balai Raya Kampung Juasseh Tengah
- Balai Raya Kampung Terentang
- Balai Raya Kampung Gentam

### JEMPOL

- Balai Raya Bahau Pekan
- Masjid Rompin
- Balai Raya Palong 5
- Pejabat YB Sungai Lui
- Balai Raya Serting Tengah

### TAMPIN

- Balai Raya Taman Gunung Mas
- Masjid Kariah Keru
- Masjid Kampung Pondoi
- Masjid Jamek Gemencheh
- Masjid Felda Bukit Rokan
- Pejabat DUN Gemencheh
- Masjid Air Kuning Selatan
- Masjid Felda Bukit Jalor
- Masjid Sungai Kelamah
- Masjid Jamek Pekan Gemas
- Masjid Kariah Kampung Ladang
- Masjid Kariah Kampung Bangka Hulu
- Masjid Kariah Kampung Londah
- Masjid Kariah Pasir Besar
- Masjid Kariah Felda Pasir Besar
- Masjid Kariah Felda Jelai 1
- Masjid Kariah Felda Jelai 2
- Masjid Kariah Felda Jelai 3
- Masjid Kariah Felda Jelai 4

### PORT DICKSON

- Pejabat DUN Linggi
- Masjid Teluk Kemang
- Masjid Kariah Bagan Pinang
- Masjid Jamek Port Dickson
- Masjid Sawah Chuah

| SEREMBAN | REMBAU |
|---|---|
| Balai Raya Jerangkang Labu Hilir | Balai Raya Sungai Layang |
| Masjid Pekan Mantin | Balai Raya Rukun Tetangga Kota |
| Masjid Pantai | Balai Raya Astana Raja |
| Masjid Panchor Jaya | Balai Raya Titian Akar |
| Masjid Lenggeng | Balai Raya Sungai Timun |
| Masjid Jamek Kelana Petra Sendeng | Dewan Orang Ramai Pedas |
| Masjid Paroi Jaya | Balai Raya Kampung Batu Hampar |
| Masjid At Taqwa | Balai Raya Pedas Hilir |
| Masjid Bandar Baru Senawang | Masjid Pilin |
| Balai Raya Senawang Jaya | Baitulmal Rembau |
| Masjid Taman Tuanku Jaafar | |
| Kompleks Islam Rantau | |
| Masjid Seremban Jaya | |
| Kompleks As Saadah | |

**Jadual 14: Senarai Lokasi Berdasarkan Daerah di Negeri Sembilan**





**Gambar 25: Sebahagian Gambar Program Pengagihan Barang Keperluan Asnaf**

| DAERAH / BULAN | MAC | APRIL | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jelebu | | 340 | 344 | 343 | 346 | 347 | 344 | 344 | 344 | 346 | 3,098 |
| Kuala Pilah | | 1,586 | 1,575 | 2,112 | 1,545 | 1,532 | 1,536 | 1,525 | 1,547 | 1,530 | 14,488 |
| Jempol | | 467 | 466 | | 460 | 457 | 461 | 460 | 459 | 463 | 3,693 |
| Tampin | | 667 | 671 | 668 | 660 | 656 | 652 | 651 | 655 | 664 | 5,944 |
| Port Dickson | | 514 | 516 | 517 | 535 | 536 | 539 | 545 | 537 | 547 | 4,786 |
| Seremban | 200 | 1,633 | 1,638 | 1,561 | 1,654 | 1,716 | 1,725 | 1,706 | 1,699 | 1,735 | 15,267 |
| Rembau | 1,371 | 793 | 790 | 799 | 780 | 778 | 778 | 768 | 768 | 760 | 8,385 |
| Jumlah | 1,571 | 6,000 | 6,000 | 6,000 | 5,980 | 6,022 | 6,035 | 5,999 | 6,009 | 6,045 | 55,661 |

**Jadual 15: Jumlah Agihan Barangan Mengikut Bulan**




**Carta 26: Ringkasan Jumlah Agihan Barangan Mengikut Daerah Negeri Sembilan**




**Carta 27: Ringkasan Jumlah Agihan Barangan Mengikut Bulanan**

## B. JUALAN PENGHABISAN STOK

Tarikh : 1 November – 31 Disember 2016
Lokasi : Wakaf Mart Masjid An-Najihin, Cheras




**Gambar 26: Antara Barangan Promosi yang Dijual**

## MENGURUSKAN KIOS CENDERAHATI DI MASJID NEGARA



**Dibangunkan melalui peruntukan Bajet 2010**
Kos pembangunan: RM300,000.00
Tarikh siap: 29 Jun 2012
Mula operasi: 1 Disember 2014




**Carta 28: Jumlah Jualan (RM) Kios Cenderahati di Masjid Negara**




**Gambar 27: Kios Cenderahati Masjid Negara**

# LAPORAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



## PERJAWATAN YWM

Jumlah perjawatan YWM sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

| BIL | BAHAGIAN | KUMPULAN | JUMLAH PERJAWATAN | JUMLAH PENGISIAN | JUMLAH KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif | JUSA | 1 | 1 | 0 |
| | | Pengurusan dan Profesional | 0 | 0 | 0 |
| | | Pelaksana | 1 | 1 | 0 |
| 2 | Projek dan Pembangunan Perniagaan | Pengurusan dan Profesional | 3 | 2 | 1 |
| | | Pelaksana | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Penyelidikan dan Produk Wakaf | Pengurusan dan Profesional | 3 | 3 | 0 |
| | | Pelaksana | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Pemasaran dan Penyelarasan | Pengurusan dan Profesional | 2 | 2 | 0 |
| | | Pelaksana | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Kewangan dan Korporat | Pengurusan dan Profesional | 1 | 1 | 0 |
| | | Pelaksana | 3 | 3 | 0 |
| 6 | Pengurusan Sumber Manusia | Pengurusan dan Profesional | 2 | 2 | 0 |
| | | Pelaksana | 4 | 4 | 0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **20** | **19** | **1** |

**Jadual 16: Struktur Organisasi YWM**



## JUMLAH HARI BERKURSUS

Program latihan dan kursus yang telah dijalankan oleh pegawai dan kakitangan YWM bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

| JUMLAH HARI BERKURSUS | BILANGAN PEGAWAI | PERATUS ( % ) |
|---|---|---|
| Sekurang-kurangnya 7 hari dan ke atas | 1 | 3.70 |
| Empat (4) hingga enam (6) hari | 7 | 25.93 |
| Satu (1) hingga tiga (3) hari | 19 | 70.37 |
| Tidak menghadiri kursus | 0 | 0 |

**Jadual 17: Jumlah Hari Berkursus Pegawai YWM**

## PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK DAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN

Kuasa untuk melantik Pegawai Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian adalah di bawah kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan perlu dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pengurusan YWM. Pada tahun 2016, seramai 8 orang pegawai kontrak telah dilantik manakala pelantikan PSH adalah seramai 4 orang.




**Carta 29: Jumlah Pegawai Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian**

## KEMASUKAN PELAJAR PRAKTIKAL

| BIL | NAMA | PUSAT PENGAJIAN | PENGKHUSUSAN | TARIKH LAPOR DIRI | TARIKH TAMAT | PENEMPATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Nur Liyana binti Shaadin | Universiti Kolej Bestari, Setiu, Terengganu | Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan | 1 Sept 2016 | 28 Februari 2017 | Pemasaran dan Penyelarasan |
| 2 | Nur Saiyidah binti Nasir | | | | | |
| 3 | Nur Fatin Arina binti Ja'afar | | | | | |
| 4 | Wan Noor Iryani binti Mahrawi | UniKL, Kuala Lumpur | Business School | 13 Jun 2016 | 30 Sept 2016 | |

**Jadual 18: Pelajar Praktikal di YWM**

# LAPORAN PENGURUSAN HOTEL WAKAF DI BAWAH PENGURUSAN YWM



# Hotel Pantai Puteri (Jawhar-Maim), Tanjung Kling, Melaka

## Purata Penginapan *(Average Occupancy Rate)*




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 39% | 39% | 40% | 64% |
| 2016 | 39% | 38% | 33% | 42% |

SUKUAN TAHUN

**Carta 30: Purata Penginapan *(Average Occupancy Rate)* bagi tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**



## Purata Harga Bilik *(Average Room Rate)*




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 117 | 118 | 119 | 120 |
| 2016 | 140 | 136 | 142 | 135 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 31: Purata Harga Bilik *(Average Room Rate)* bagi tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Pendapatan Kasar Hotel




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 502,995 | 514,321 | 567,028 | 856,162 |
| 2016 | 527,275 | 516,401 | 459,823 | 547,733 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 32: Pendapatan Kasar Hotel bagi tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Perbelanjaan Operasi Hotel




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 624,548 | 634,480 | 623,269 | 590,074 |
| 2016 | 649,658 | 640,258 | 631,829 | 658,779 |

**Carta 33: Perbelanjaan Operasi Hotel pada tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## ANTARA AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH PENGURUSAN HOTEL



**Gambar 28: Agihan Sumbangan Beras kepada Semua Pekerja**



**Gambar 29: Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri**



**Gambar 30: Aktiviti Sukaneka dan Senamrobik**




Gambar 31: Perhimpunan Bulanan Pekerja dan Majlis Sambutan Hari Lahir Pekerja






Gambar 32: Aktiviti Gotong Royong Sekitar Kawasan Hotel



Gambar 33: Taklimat Daripada Pegawai Kerajaan/Badan Berkanun



Gambar 34: Majlis Bacaan Yasin dan Solat Berjemaah




Gambar 35: Sumbangan Barangan Makanan di Surau-Surau Berdekatan pada Setiap Hari Khamis





Gambar 36: Agihan Bubur Lambuk di Bulan Ramadan

# HOTEL SERI WARISAN (JAWHAR-MAIPk), TAIPING, PERAK

## Purata Penginapan *(Average Occupancy Rate)*




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 41% | 53% | 46% | 58% |
| 2016 | 45% | 40% | 44% | 58% |

SUKUAN TAHUN

**Carta 34: Purata Penginapan *(Average Occupancy Rate)* pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Purata Harga Bilik *(Average Room Rate)*




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 117 | 122 | 128 | 123 |
| 2016 | 117 | 125 | 118 | 122 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 35: Purata Harga Bilik *(Average Roon Rate)* pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Pendapatan Kasar Hotel




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 279,778 | 357,271 | 356,785 | 439,840 |
| 2016 | 325,309 | 232,548 | 331,330 | 491,869 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 36: Pendapatan Kasar Hotel pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**



## Perbelanjaan Operasi Hotel




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 224,962 | 265,359 | 268,104 | 284,210 |
| 2016 | 268,908 | 287,498 | 273,500 | 275,123 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 37: Perbelanjaan Operasi Hotel pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## ANTARA AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH PENGURUSAN HOTEL



**Gambar 37: Majlis Perkahwinan yang diadakan di Hotel Seri Warisan**



**Gambar 38: Aktiviti Gotong Royong Membersihkan Koridor Hotel**




Gambar 39: Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim




Gambar 40: Penglibatan Pihak Hotel Dalam MATTA Fair 2016

# Hotel Grand Puteri (Jawhar-MAIDAM), Kuala Terengganu, Terengganu

## Purata Penginapan *(Average Occupancy Rate)*




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 40% | 55% | 45% | 49% |
| 2016 | 36% | 42% | 47% | 55% |

SUKUAN TAHUN

**Carta 38: Purata Penginapan *(Average Occupancy Rate)* pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Purata Harga Bilik *(Average Room Rate)*




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 115 | 124 | 126 | 131 |
| 2016 | 134 | 123 | 128 | 122 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 39: Purata Harga Bilik *(Average Room Rate)* pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Pendapatan Kasar Hotel




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 951,466 | 1,390,904 | 1,113,614 | 1,208,115 |
| 2016 | 825,950 | 940,242 | 1,040,558 | 1,270,916 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 40: Pendapatan Kasar Hotel pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## Perbelanjaan Operasi Hotel




| | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|---|
| 2015 | 1,237,102 | 1,382,579 | 1,342,364 | 1,364,844 |
| 2016 | 1,243,509 | 1,272,361 | 1,303,867 | 1,388,852 |

SUKUAN TAHUN

**Carta 41: Perbelanjaan Operasi Hotel pada Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015**

## ANTARA AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH PENGURUSAN HOTEL



Gambar 41: Perhimpunan Bulanan Pekerja




Gambar 42: Kayuhan Prihatin Wakaf 2016



Gambar 43: Pertandingan Futsal 2016

## MESYUARAT PENGURUSAN DAN PENYELARASAN HOTEL

### PENGENALAN

Bagi memastikan perjalanan Hotel-hotel Wakaf di bawah pengurusan YWM berjalan dengan lancar dan baik, YWM bersama MAIN dan operator hotel turut mengadakan sesi mesyuarat dan lawatan ke hotel-hotel wakaf sebagaimana perincian berikut:

| BIL | PERKARA | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Penyelarasan | 31 Januari 2016 | Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM) |
| 2. | Mesyuarat Penyelarasan | 2 Februari 2016 | Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM) |
| 3. | Mesyuarat Pengurusan | 16 Februari 2016 | Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) |
| 4. | Mesyuarat Pengurusan | 7 Jun 2016 | Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) |
| 5. | Perbincangan Bersama Pengurusan | 30 September 2016 | Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) |

**Jadual 19: Mesyuarat Pengurusan dan Penyelarasan Hotel**



## LAWATAN PEMANTAUAN OPERASI HOTEL

| BIL | PERKARA | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Pemantauan Operasi | 7 November 2016 | Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) |
| 2. | Lawatan Pemantauan Operasi | 25 Disember 2016 | Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM) |

**Jadual 20: Lawatan Pemantauan Operasi Hotel**





**Gambar 44: Sebahagian Gambar Semasa Mengadakan Mesyuarat di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu**

# PENYATA KEWANGAN



No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

**MAKLUMAT KORPORAT**

Ahli Lembaga Pemegang Amanah :

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) |
| Naib Pengerusi | : | YBrs. Tuan Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman |
| Ahli Lembaga Pemegang Amanah | : | YBhg. Tan Sri Dato' Hashim Meon<br>YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman<br>YBhg. Dato' Dr Zulkapli bin Mohamed<br>YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Ab Kadir<br>YBhg. Datuk Wira Haji Yaakub bin Md Amin<br>YB Dato' Haji Salleh bin Man<br>YB Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail<br>YBhg. Dato' Sri Haji Wan Abdul Wahid bin Wan Hassan<br>YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar<br>YBhg. Dato' Zahari Ismail<br>YBhg. Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim<br>YBhg. Dr Amiruddin bin Muhamed<br>YBhg. Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi<br>YBrs. Tuan Haji Kamal Amran bin Kamarudin<br>YBrs. Tuan Haji Mohd Nazim bin Mohd Nor<br>YBrs. Tuan Haji Md Rofiki bin Dato' Hj. A. Shamsudin<br>YBrs. Encik Khalid bin Mohamed<br>YBrs. Encik Junaidi bin Jumahad |
| Pejabat Berdaftar | : | Aras 8, Blok D<br>Kompleks Islam Putrajaya<br>Presint 3<br>62100 Putrajaya |
| Juruaudit | : | Azhar Noriza Zainuddin [AF : 001865]<br>No. 2-3, Jalan AU 1A/4C<br>Taman Keramat Permai<br>54200 Kuala Lumpur |
| Bank Utama | : | Bank Islam Malaysia Berhad |

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah membentangkan laporan mereka beserta penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

### AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Yayasan adalah membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam di dalam dan luar Negara bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan bagi menyempurnakan amanah Pewakaf dan demi kebajikan umat Islam keseluruhannya.

Penubuhan Yayasan adalah bagi membangunkan projek-projek komersial dan kebajikan demi memperkasakan ekonomi umat Islam di Malaysia selaras dengan prinsip Islam bagi menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi secara progresif dan produktif khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku dalam aktiviti-aktiviti Yayasan dalam tahun kewangan semasa.

### KEPUTUSAN KEWANGAN

| | Kumpulan RM | Yayasan RM |
|---|---|---|
| Kurangan pendapatan tahun kewangan semasa | (642,170) | (566,987) |

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan semasa selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat Ahli Lembaga Pemegang Amanah, keputusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan semasa tidak terjejas oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa luarbiasa.

### AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

| | |
|---|---|
| YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) | |
| YBhg. Datuk Haji Anan bin C Mohd | (Bersara pada 1 November 2016) |
| YBhg. Tan Sri Dato' Hashim Meon | |
| YBrs. Tuan Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman | (Dilantik pada 7 Januari 2017) |
| YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman | |
| YBhg. Dato' Dr Zulkapli bin Mohamed | |
| YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Ab Kadir | |
| YBhg. Dato' Haji Serpudin bin Mohamad | (Bersara pada 1 Februari 2016) |
| YBhg. Datuk Wira Haji Yaakub bin Md Amin | |

## AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (SAMB.)

YB Dato' Haji Salleh bin Man
YB Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail
YBhg. Dato' Sri Haji Wan Abdul Wahid bin Wan Hassan
YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar
YBhg. Dato' Zahari Ismail
YBhg. Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim (Dilantik pada 1 Februari 2016)
YBhg. Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi (Dilantik pada 1 Februari 2016)
YBhg. Dr Amiruddin bin Muhamed
YBrs. Tuan Haji Kamal Amran bin Kamarudin
YBrs. Tuan Haji Mohd Nazim bin Mohd Nor
YBrs. Encik Abu Bakar bin Yang (Bersara pada 30 Mei 2016)
YBrs. Tuan Haji Md Rofiki bin Dato' Hj. A. Shamsudin
YBrs. Encik Khalid bin Mohamed (Dilantik pada 1 Februari 2016)
YBrs. Encik Junaidi bin Jumahad (Dilantik pada 1 Mei 2016)



## MANFAAT LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Pada akhir tahun kewangan atau sepanjang tahun kewangan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Yayasan dengan perkara-perkara yang membolehkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan memperolehi faedah dengan cara memiliki saham-saham, atau debentur, di dalam Yayasan atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan menerima atau berhak menerima apa-apa manfaat, (selain daripada manfaat yang termasuk dalam agregat ganjaran yang diterima atau belum diterima oleh Pemegang Amanah Yayasan atau gaji tetap sebagai pekerja sepenuh masa Yayasan seperti tercatat di dalam penyata kewangan) berikutan perjanjian di antara Yayasan atau Yayasan yang berkaitan dengan mana-mana Pemegang Amanah Yayasan atau dengan firma di mana Pemegang Amanah Yayasan menjadi ahli, atau dengan Yayasan di mana Pemegang Amanah Yayasan mempunyai kepentingan kewangan yang material.

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

(a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan disediakan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:-

  (i) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang-hutang lapuk dan penyediaan elaun bagi hutang-hutang ragu, dan mereka telah berpuashati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan tiada peruntukan hutang ragu diperlukan; dan

  (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang dijangka tidak boleh menghasilkan nilai seperti yang tercatat di dalam rekod penyata kewangan secara urusniaga biasa, telahpun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

**JURUAUDIT**

Juruaudit, AZHAR NORIZA ZAINUDDIN telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,

YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)
Pengerusi

TUAN AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN
Naib Pengerusi

Putrajaya, Malaysia

Tarikh : 14 JUN 2017

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

**KENYATAAN OLEH LEMBAGA PEMEGANG AMANAH**

Kami, YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B) dan TUAN AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN, dua daripada Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, penyata kewangan yang disertakan adalah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258], Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai:-

(i) kedudukan urusan Kumpulan dan Yayasan pada 31 Disember 2016 dan keputusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan

(ii) aliran tunai Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,

YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)
Pengerusi

TUAN AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN
Naib Pengerusi

Putrajaya, Malaysia

Tarikh : 14 JUN 2017

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENGAKUAN BERKANUN**

Saya, DATO' PROF. DR. SUDIN HARON, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan tulus ikhlas dan menyatakan bahawa penyata kewangan yang disertakan, pada pendapat saya adalah benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas di Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan pada 14 JUN 2017 }

DATO' PROF. DR. SUDIN HARON

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 522
MOHD ISA BIN NOORDIN
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur, Malaysia

NO. 57-2, JALAN WANGSA DELIMA 5
PUSAT BANDAR WANGSA MAJU (KLSC)
53300 KUALA LUMPUR

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN WAQAF MALAYSIA

## Laporan audit mengenai penyata kewangan

*Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan Yayasan Wakaf Malaysia, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 bagi Kumpulan dan Yayasan, penyata pendapatan komprehensif dan perbelanjaan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 45.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Yayasan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 (Akta 258).

*Asas Pendapat*



Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* laporan juruaudit. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah memadai dan sesuai untuk menjadi asas kepada pendapat audit kami.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika yang lain*

Kami adalah bebas daripada Kumpulan dan Yayasan selaras dengan Undang-Undang Kecil (*Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan*) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional* ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

*Maklumat lain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang berkaitan dengannya*

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain yang dimaksudkan terdiri daripada maklumat yang terdapat dalam Laporan Pemegang Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan serta laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak akan memberi sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain yang dikenalpasti di atas dan dengan berbuat demikian, pertimbangan sama ada maklumat lain itu tidak selaras secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan atau pengetahuan yang diperolehi dalam audit, atau jika tidak, wujud kesilapan salah nyata material.

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN WAQAF MALAYSIA (SAMB.)**

*Maklumat lain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang berkaitan dengannya (Samb.)*

Jika berdasarkan kerja yang telah kami lakukan pada maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara mengenai maklumat lain ini, kami dikehendaki untuk melaporkan kenyataan tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk melaporkan dalam hal ini.

*Tanggungjawab Pemegang Amanah Yayasan terhadap penyata kewangan*

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia. Para Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh para Pemegang Amanah adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan, para Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Yayasan untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, seperti yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan dasar perakaunan kecuali jika para Pemegang Amanah berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Yayasan bagi menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

*Tanggungjawab juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan*

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan pada tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata berkaitan penipuan atau kesilapan yang wujud dianggap penting jika, jangkaan yang dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna secara individu atau dalam agregat yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan, yang mengandungi penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas terhadap pendapat kami. Risiko apabila tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara berkaitan penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko tidak dapat mengesan kesilapan, kerana penipuan boleh melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN WAQAF MALAYSIA (SAMB.)**

*Tanggungjawab juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (Samb.)*

- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengann audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Yayasan.

- Membuat penilaian yang bersesuaian dengan dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pemegang Amanah.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan Pemegang Amanah mengenai asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Kumpulan atau Yayasan untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk mengemukakan perkara tersebut di dalam laporan juruaudit kami berikutan pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, bagi mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang boleh menyebabkan Kumpulan atau Yayasan pada masa akan datang untuk berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Membuat penilaian pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan mewakili urus niaga asas dan peristiwa yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Pemegang Amanah mengenai, antara skop yang dirancang dan penetapan masa audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dapat kami kenalpasti semasa proses pengauditan dijalankan.

**Laporan terhadap urusan perundangan dan badan berkanun lain**

Sejajar dengan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258], di Malaysia, kami juga membuat laporan perkara-perkara berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Yayasan dan subsidiari yang diaudit oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

(b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Yayasan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

(c) Laporan juruaudit terhadap penyata kewangan subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI**
**YAYASAN WAQAF MALAYSIA (SAMB.)**

**Hal-hal lain**

Laporan ini bertujuan hanya untuk pemegang-pemegang amanah, sebagai sebuah badan, menurut peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas kandungan laporan ini kepada mana-mana pihak lain.

AZHAR NORIZA ZAINUDDIN
[AF : 001865]
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

NORIZA BINTI ZAINUDDIN
Akauntan Bertauliah
[2223/03/18 (J)]
Rakan Kongsi Firma

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 14 JUN 2017

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| | Nota | Kumpulan | | Yayasan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2016** | 2015 | **2016** | 2015 |
| | | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **Pendapatan** | | | | | |
| Dana terikat dilunaskan | | **173,138** | 16,780 | **173,138** | 16,780 |
| Dana wakaf korporat dilunaskan | | **7,032,984** | 2,298,923 | **7,032,984** | 2,298,923 |
| Dana wakaf prihatin dilunaskan | | **497,979** | 58,238 | **497,979** | 58,238 |
| Geran mengurus | 3 | **2,140,397** | 2,469,840 | **2,140,397** | 2,469,840 |
| Geran pembangunan dilunaskan | 4 | **889,648** | 753,721 | **889,648** | 753,721 |
| Hasil jualan runcit | | **641,874** | 663,356 | **-** | - |
| Hasil geran | | **730,210** | - | **-** | - |
| Hasil sumbangan | | **3,259,205** | 378,459 | **-** | - |
| Yuran pengurusan | | **46,200** | - | **-** | - |
| Kumpulan wang rizab dilunaskan | 5 | **1,089,744** | - | **1,089,744** | - |
| Perlunasan peruntukan kajian | 34 | **230,725** | 456,449 | **230,725** | 456,449 |
| Tabung penyelenggaraan dilunaskan | | **49,772** | 32,280 | **49,772** | 32,280 |
| Pendapatan lain | 6 | **1,905,852** | 1,703,243 | **1,615,335** | 1,400,811 |
| | | **18,687,728** | 8,831,289 | **13,719,722** | 7,487,042 |
| **Perbelanjaan** | | | | | |
| Perbelanjaan dana bantuan segera | | **600** | - | **600** | - |
| Perbelanjaan dana terikat | | **173,138** | 16,780 | **173,138** | 16,780 |
| Perbelanjaan dana wakaf korporat | | **7,032,984** | 2,298,923 | **7,032,984** | 2,298,923 |
| Perbelanjaan dana wakaf prihatin | | **497,979** | 58,238 | **497,979** | 58,238 |
| Perbelanjaan geran pelancaran | | **1,089,744** | - | **1,089,744** | - |
| Perbelanjaan operasi | | **5,494,624** | 4,828,404 | **4,282,517** | 4,449,405 |
| Perbelanjaan pembangunan | | **889,648** | 753,721 | **889,648** | 753,721 |
| Perbelanjaan perkhidmatan | | **3,831,082** | 970,862 | **-** | - |
| Perbelanjaan kajian | | **230,725** | 456,449 | **230,725** | 456,449 |
| Perbelanjaan tabung penyelenggaraan | | **49,772** | 32,280 | **49,772** | 32,280 |
| | | **19,290,296** | 9,415,657 | **14,247,107** | 8,065,796 |
| **Kurangan pendapatan sebelum cukai** | 7 | **(602,568)** | (584,368) | **(527,385)** | (578,754) |
| Cukai | 8 | **(39,602)** | (18,953) | **(39,602)** | (18,944) |
| **Kurangan pendapatan bersih** | | **(642,170)** | (603,321) | **(566,987)** | (597,698) |

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA**
(Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | | Kumpulan | | Yayasan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2016** | 2015 | **2016** | 2015 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **Hartanah, loji dan peralatan** | 9 | | | | |
| Bangunan | | **6,383,171** | - | **6,383,171** | - |
| Kenderaan dan jentera | | **108,235** | 134,865 | **77,420** | 100,080 |
| Komputer | | **88,147** | 88,676 | **42,945** | 30,700 |
| Papan tanda | | **13,175** | 14,875 | **-** | - |
| Perabot dan kelengkapan | | **65,877** | 50,671 | **31,739** | 5,858 |
| Peralatan pejabat dan kedai | | **52,903** | 65,579 | **31,161** | 40,213 |
| Peralatan elektrik | | **17,678** | 28,647 | **9** | 5,759 |
| Ubahsuai | | **42,924** | 60,086 | **17** | 17 |
| | | **6,772,110** | 443,399 | **6,566,462** | 182,627 |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 10 | **-** | - | **300,000** | 300,000 |
| Kerja dalam perlaksanaan | 11 | **-** | 33,467 | **-** | 33,467 |
| Muhibah atas penyatuan | 12 | **-** | - | **-** | - |
